



KEADAAN perkampungan haram Bukit Malut, Langkawi yang semakin padat sehingga berlaku aktiviti penerokaan untuk pembinaan rumah dan dikatakan tidak selamat sekiranya berlaku bencana. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Bulat Malut tak selamat - Dr. M

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Kerajaan perlu segera mencari kawasan baharu untuk penduduk Bukit Malut di sini, kerana penempatan tersebut semakin padat dan tidak selamat sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran.

Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata,

penduduk terlibat perlu diberikan tempat baharu sebelum kerajaan negeri merobohkan rumah yang didirikan secara haram di tanah kerajaan negeri dan swasta itu.

“Semua rumah dekat-dekat, kalau jadi kebakaran, teruklah. Semua sekali terbakar dan ramai tak boleh nak lari pun, pasal tak ada buat jalan untuk bomba,” katanya ketika

ditemui selepas melawat Lang Agro Farm di Kampung Padang Gaong, Ulu Melaka di sini, semalam.

Namun katanya, penduduk terlibat perlu diberikan tempat baharu sebelum kerajaan negeri merobohkan rumah yang didirikan secara haram di tanah kerajaan negeri dan swasta itu.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, beliau sekalipun

ahli Parlimen tidak boleh buat apa-apa kerana tidak ada peruntukan yang mencukupi dan kuasa.

Utusan Malaysia kelmarin melaporkan, penduduk di perkampungan haram Bukit Malut kecewa terhadap kerajaan negeri yang lambat bertindak dalam menyelesaikan isu penempatan di kawasan itu yang semakin padat.